



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

PELAKSANAAN PELALIAN VAKSIN PANDEMIK (H1N1) KEPADA KUMPULAN SASAR BERKEUTAMAAN (targeted high priority groups)

Pada 11 Jun 2009, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan Pandemik H1N1 setelah lebih 30,000 kes disahkan disebabkan oleh virus baru Influenza A(H1N1) di seluruh dunia termasuk Malaysia. Jangkitan disebabkan oleh virus Influenza A (H1N1) masih aktif berlaku di Malaysia dan juga di peringkat global khususnya di negara-negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara seperti di Eropah Timur dan Selatan, Asia Selatan dan Timur serta Utara Afrika. WHO masih lagi mengekalkan tahap 'pandemic alert' pada fasa 6 iaitu tahap tertinggi pandemik influenza.

Pemberian pelalian vaksin telah dikenalpasti di bawah perancangan kesiapsiagaan menghadapi pandemik sebagai salah satu langkah kawalan terbaik bagi mencegah orang ramai mendapat jangkitan virus baru ini. Antara objektif pemberian vaksin pandemik ialah;

- i. Memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan khususnya dengan melindungi anggota kesihatan yang berada di barisan hadapan;
- ii. Mengurangkan gangguan kepada sistem penyampaian awam dengan memastikan kesinambungan perkhidmatan-perkhidmatan utama dan ketenteraman awam dikekalkan; dan
- iii. Mengurangkan morbiditi dan mortaliti di kalangan anggota masyarakat yang berisiko tinggi mendapat komplikasi akibat jangkitan virus influenza.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan telah membuat perolehan vaksin influenza A(H1N1) dan sebahagian daripada vaksin tersebut telah pun diterima. Bekalan vaksin influenza A(H1N1) yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan adalah terhad. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah membuat keputusan di mana pelalian vaksin H1N1 diberikan kepada petugas barisan hadapan yang terdiri petugas kesihatan sektor awam dan swasta, PDRM, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Imigresen dan ATM. Urusan pemberian pelalian bagi kumpulan ini sedang dilaksanakan dan diurus oleh Jabatan-Jabatan Kesihatan di setiap negeri.

Bagi **kumpulan sasar berkeutamaan (*targeted high priority groups*)** yang berisiko tinggi mendapat komplikasi akibat jangkitan virus ini, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti kumpulan tersebut untuk diberikan pelalian seperti berikut:

- i. Wanita hamil (18+ minggu kehamilan) dan mendapatkan penjagaan kehamilan di fasiliti kesihatan Kerajaan;
- ii. Pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang dan menjalani dialisis di fasiliti dialisis Kerajaan;
- iii. Pesakit yang menghidapi penyakit kronik dan mendapatkan rawatan susulan di fasiliti kesihatan Kerajaan;
- iv. Individu dengan *morbid obesity* (iaitu BMI > 35 kg/m²) dan/atau menghidapi sebarang penyakit kronik dan mendapat rawatan di fasiliti kesihatan Kerajaan; dan
- v. Orang awam yang berkehendakan dengan tujuan.

Orang ramai yang di kategorikan sebagai **kumpulan sasar berkeutamaan** seperti di atas boleh mendapatkan di fasiliti kesihatan kerajaan yang di kenalpasti sebanyak **87** di seluruh negara. Oleh kerana bekalan vaksin yang terhad, maka pemberian dilakukan mengikut pendekatan ***first come, first serve***. Penilaian klinikal yang dijalankan oleh pegawai perubatan yang merawat akan diambil kira bagi menentukan kesesuaian seseorang individu bagi menerima vaksin.

Orang ramai yang layak mendapatkan pelalian ini dikehendaki membaca terlebih dahulu maklumat mengenai pelalian vaksin influenza A(H1N1) dan perlu memberikan keizinan bertulis dengan mengisi dan mengembalikan borang keizinan bertulis.

Sekian, terima kasih.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL BIN MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2010

**SENARAI FASILITI KERAJAAN TERPILIH UNTUK PELAKSANAAN PEMBERIAN VAKSIN
H1N1 KEPADA KUMPULAN SASAR BERKEUTAMAAN**

| NEGERI | FASILITI KKM | Jumlah |
|-------------------------------------|--|---------------|
| Perlis | <ul style="list-style-type: none"> • KK Kangar | 1 |
| Kedah | <ul style="list-style-type: none"> • KK Kuah • KKIK Jitra • KKIK Bakar Bata, Kota Star • KKIK Bandar Sungai Petani • KKIK Kuala Nerang • KKIK Baling • KK Serdang • KK Pendang • KKIK Sik • KK Bandar Kulim • KK Guar Chempedak | 11 |
| Pulau Pinang | <ul style="list-style-type: none"> • KK Bayan Baru, Barat Daya • KK Bukit Panchor, Seberang Prai Selatan • KK Sungai Dua, Seberang Prai Utara | 3 |
| Perak | <ul style="list-style-type: none"> • KK Lawin, Hulu Perak • KK Padang Rengas • KK Sitiawan • KK Hutan Melintang • KK Parit • KK Jalan Damai, Tapah • KK Bagan Serai, Kerian • KK Buntong, Kinta • KK Taiping | 9 |
| Selangor | <ul style="list-style-type: none"> • KK Kajang • KK Pandamaran, Klang • KK Kelana Jaya • KK Seri Kembangan • KK Seksyen 7 Shah Alam • KK Taman Ehsan, Gombak | 6 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | <ul style="list-style-type: none"> • JPL Hospital Kuala Lumpur • KK Putrajaya | 2 |
| N. Sembilan | <ul style="list-style-type: none"> • KK Rasah • KK Senawang, • KK Kuala Pilah • KK Bahau • KK Rembau • KK Tampin • KK Port Dickson • KK Jelebu | 8 |
| Melaka | <ul style="list-style-type: none"> • JPL Jasin • KK Masjid Tanah, Alor Gajah • KK Peringgit, Melaka Tengah | 3 |
| Johor | <ul style="list-style-type: none"> • KPL Mahmoodiah, JB • Poliklinik Bandar Maharani, Muar • KK Batu Pahat • KK Mengkibol, Kluang | 4 |

| | | |
|------------|---|----|
| Pahang | <ul style="list-style-type: none"> • KK Beserah, Kuantan • KK Temerloh • KK Karak, Bentong • KK Dong, Raub • KK Peramu Jaya, Pekan • KK Bandar Jengka, Maran • KK Triang, Bera • KK Bandar Rompin, Rompin • KK Padang Tengku, Lipis • KK Jengka 8, Jerantut • JPL Hosp Cameron Highlands | 11 |
| Terengganu | <ul style="list-style-type: none"> • KK Hiliran, Kuala Terengganu • KK Kuala Besut, Besut • KK Dungun • KK Kuala Kemaman • KK Marang • KK Permaisuri • KK Kuala Berang | 7 |
| Kelantan | <ul style="list-style-type: none"> • KKB Kota Bharu • KKB Bachok • KKB Kuala Krai • KK Wakaf Baru • Hospital Raja Perempuan Zainab, Kota Bharu | 5 |
| Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> • KK Jalan Masjid, Kuching • KK Kota Samarahan • KK Sri Aman • KK Sarikei • KK Jalan Lanang, Sibu • KK Bandar Miri • KK Bintulu • KK Kapit • KK Lawas • JPL Hospital Mukah • JPL Hospital Betong | 11 |
| Sabah | <ul style="list-style-type: none"> • KK Luyang, Kota Kinabalu • KK Penampang • KK Sandakan • JPL Hospital Tawau • JPL Hospital Keningau | 5 |
| WP Labuan | <ul style="list-style-type: none"> • KK Labuan | 1 |
| JUMLAH | | 87 |

NOTA:

- JPL – Jabatan Pesakit Luar
 KK – Klinik Kesihatan
 KKIK – Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak
 KKB – Klinik Kesihatan Bandar
 KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia
 KPL – Klinik Pesakit Luar
 MUSN – Makmal Ubat dan Stor Negeri
 MUSB – Makmal Ubat dan Stor Bahagian